



مجلس باندراي ملاك برسجاره
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan tempoh sah laku siji-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
<p>MBMB/SH/2023/48</p> <p>KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI TAMAN PADANG TEMU INDAH DAN KAWASAN SEKITARNYA, PADANG TEMU, MELAKA.</p> <p>Tarikh Kelulusan : 19/05/2023</p> <p>No. Fail Jabatan : MBMB/JK/00001/931 (J)</p>	<p><u>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</u></p> <p>Gred G2 (Seluruh Negeri Melaka)</p> <p>Kategori CE</p> <p>Pengkhususan CE01</p>	<p><u>HARGA</u></p> <p>RM10.00 * Tidak akan dikembalikan</p> <p><u>TARIKH</u></p> <p>19 Mei 2023 (Jumaat) sehingga 29 Mei 2023 (Isnin)</p>	<p>TIADA</p> <p>*(Penyebut harga diminta melihat sendiri keadaan tapak bagi proses mengisi harga dan segalanya adalah atas tanggung jawab sendiri)</p>	<p><u>TARIKH</u></p> <p>29 Mei 2023 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari</p> <p>Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p> <p>-----</p> <p>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p>

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **19 Mei 2023 (Jumaat) sehingga 29 Mei 2023 (Isnin)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

DATUK BANDAR

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam